

Konflik Palestin-Israel tak jejas persiapan haji 2024

KUALA LUMPUR -

Sebarang persiapan luar biasa bagi pengurusan operasi haji Malaysia musim hadapan adalah tertakluk kepada panduan dikeluarkan Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi serta Kementerian Luar Negeri, sekiranya perang antara Palestin-Israel masih berterusan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Mohd Na'im Mokhtar berkata, buat masa ini konflik tersebut tidak menjelaskan persiapan dilakukan Lembaga Tabung Haji (TH).

Menurutnya, segala persiapan dibuat seperti biasa mengambil kira jaminan keselamatan diberikan oleh Kerajaan Arab Saudi kepada jemaah haji tahun 1445 Hijrah.

"Tapi dalam masa sama kita ter-



MOHD NA'IM

takluk kepada panduan, nasihat daripada Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Haji (dan Umrah) Arab Saudi.

"Mereka akan menentukan. Apa sahaja arahan dan panduan serta nasihat yang akan diberikan, akan dipatuhi TH," katanya selepas Majlis Penghargaan TH kepada Jemaah Haji 1444H/2023M di sini pada Khamis.

Dalam pada itu, beliau menolak kemungkinan berlaku pengurangan kuota jemaah haji disebabkan konflik di Gaza.

Katanya, permohonan bagi kuota tambahan jemaah haji Malaysia musim hadapan telah dilakukan dan masih menunggu jawapan daripada Arab Saudi.

"Segala persiapan yang dibuat TH mengambil kira kuota seramai 31,600 bakal jemaah haji yang akan berangkat melakukan ibadah itu nanti," katanya.

Beliau juga menjelaskan, jemaah haji dilindungi insurans disediakan TH dan Kerajaan Arab Saudi sebaik sahaja memperoleh visa.

"Kita harap dengan jaminan ini bakal jemaah-jemaah haji tenang untuk lakukan ibadah haji tahun depan," katanya.

Sementara itu, Mohd Na'im berkata, seramai 44 jemaah haji dalam kalangan B40 dan M40 menolak Bantuan Kewangan Haji dan membayar penuh RM30,850 bagi musim haji tahun ini.

Katanya, jumlah itu menunjukkan peningkatan di mana tahun lepas hanya 23 jemaah haji yang berbuat demikian.

"Seramai 396 jemaah haji pula membayar RM1,000 hingga RM12,000 lebih daripada kadar bayaran haji yang ditetapkan."

"Peningkatan jumlah jemaah haji yang membayar penuh jelas menunjukkan kesedaran umum dan jemaah mengenai kepentingan istitio'ah dalam ibadat haji," katanya.